

## HUKUM PENGGUNAAN AIR KETUBAN DALAM RAWATAN ORTHOPEDIK

MOHD ZULKIFLI BIN AWANG  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,  
Bangi, Selangor.  
[Zul\\_zykr@yahoo.com](mailto:Zul_zykr@yahoo.com)

MOHD KAMARUL KHAIDZIR BIN SAADAN  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,  
Bangi, Selangor.  
[khaidzir@kuis.edu.my](mailto:khaidzir@kuis.edu.my)

HAMMAD MOHAMAD DAHALAN  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,  
Bangi, Selangor.  
[hammad@kuis.edu.my](mailto:hammad@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

Teknologi perubatan yang berkembang pesat telah mendorong para saintis melakukan kajian yang lebih signifikan dengan tubuh badan manusia. Antara penemuan mutakhir ialah kegunaan gel air ketuban dari rahim manusia untuk rawatan orthopedik. Suntikan asid hyaluronic (*Hyaluronan*) adalah rawatan utama dan terbaik sebelum ini dalam menangani masalah kekurangan geseran pada tulang sendi serta dapat meningkatkan kusyen. Namun begitu penemuan rawatan air ketuban dilihat lebih berkesan dan serasi dengan sistem tubuh badan manusia. Penemuan ini telah mendatangkan persoalan dalam masyarakat Islam akan keharusan menggunakan rawatan tersebut. Kertas kerja ini merupakan kupasan awal terhadap hukum rawatan menggunakan air ketuban. Metode kajian ini adalah melalui pendekatan kualitatif dimana rujukan dokumentasi dilakukan dengan membuat penelitian ke atas data-data dan maklumat-maklumat daripada buku, jurnal, kertas kerja, dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Dapatan menunjukkan keperluan pengeluaran fatwa dan garis panduan dari badan yang berautoriti memandangkan wujud desakan masyarakat khususnya daripada pesakit orthopedik.

*Kata kunci: Air Ketuban, Hyaluronan, Perubatan, Islam*

## **Pendahuluan**

Islam mengarahkan pada akal manusia yang fungsinya yang sebenar adalah untuk memahami prinsip-prinsip dari apa yang wujud dan yang akan sampai kepada ajaran asasi Islam tentang tauhid, dengan syarat hendaklah akal itu bersifat biasa dan baik atau selamat (*salim*). Ilmu perubatan mampu merealisasikan maqasid syariah yang tinggi iaitu menjaga nyawa seterusnya mampu berkhidmat kepada agama yang mulia ini. Kita sendiri melihat dalam Sunnah bagaimana Nabi SAW sendiri mempraktikkan seni perubatan seperti menggunakan besi yang panas untuk rawatan penyakit. Begitu juga kita melihat Nabi SAW menggunakan khidmat rawatan pada zaman baginda untuk merawat orang sakit. Di sini dapatlah kita lihat bahawa Islam menganjurkan umatnya menjaga kesihatan. Namun, terdapat pelbagai isu baharu timbul kesan perubahan sosial dalam masyarakat Islam di Malaysia. Perubahan ini dijana oleh perkembangan sains dan teknologi yang pesat. Hal ini demikian menjadi titik tolak kepada keperluan ijtihad kontemporari dalam menangani persoalan baharu yang timbul dalam masyarakat pengguna. Antaranya ialah bidang orthopedik yang melihat peranan dan fungsi air ketuban.

Di negara barat, air ketuban telah dijadikan pelbagai produk komersial seperti produk kecantikan, kebersihan, ubatan dan sebagainya. Dengan itu, memperlihatkan bahawa dunia telah mengiktiraf dan menggunakan produk ini sebagai alternatif dalam kehidupan seharian. Bahkan menjadi produk pilihan utama kerana disebabkan produk ini dikategorikan sebagai produk semulajadi (*natural*). Hal ini demikian kerana produk semulajadi ini dikatakan lebih sesuai dengan tubuh badan manusia. Namun begitu, produk ini belum berada di pasaran Malaysia. Maka dengan itu, usaha untuk melihat sejauhmana keharusan produk ini terutama yang berkaitan ubatan yang dapat membantu dalam bidang rawatan pesakit orthopedik. Menurut Alias Azhar et. al. (2013) menyatakan bahawa masalah kepenggunaan yang melibatkan isu produk halal sering diperkatakan dalam masyarakat. Penggunaan sesuatu produk mesti melihat status produk itu halal atau tidak. Maka konsep kehalalan sesuatu perkara perlu kepada penjelasan yang lebih jitu.

## Islam Dan Perubatan

Islam melihat kehidupan sebagai satu perjalanan, sebahagiannya berlangsung di dunia ini, bakinya kehidupannya di akhirat. Maka dalam hal ini demikian terdapat kesepakatan umum bahawa menjaga keperluan-keperluan asasi ini merupakan tujuan di sebalik perundangan setiap agama yang diwahyukan. Maka Islam sangat menitikberatkan aspek kesihatan kepada setiap penganutnya. Konsep maqasid syariah yang digariskan oleh Imam Ghazali iaitu penjagaan lima pembahagian darurat perlu diangkat sebaik mungkin bermula dengan penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Rawatan dalam Islam terbahagi kepada dua jenis. Pertama, rawatan hasil daripada kajian dan pengalaman seperti yang diamalkan doktor dan pengamal perubatan. Itu rawatan diiktiraf Islam Imam Nawawi menyatakan bahawa ilmu syariat adalah ilmu yang diperlukan oleh manusia bagi menjadi tiang tertegaknya agama seperti ilmu menghafal al-Qur'an, Hadith dan ilmu hadith, ilmu usul fiqh dan fiqh, nahu, Bahasa Arab, sorof, ijmak dan perselisihan ulama. Manakala ilmu bukan syariat ialah ilmu yang diperlukan bagi menjadi tiang tertegaknya urusan dunia yang merangkumi ilmu kedokteran dan matematik, maka inilah ilmu fardhu kifayah. Maka boleh kita fahami bahawa menuntut ilmu berkaitan perubatan sangat dituntut oleh Islam dan Ia merupakan cabang ilmu Islam itu sendiri.

Muhammad Rafiqi Hehsan (2015) menyatakan bahawa ilmu perubatan ialah satu cabang daripada ilmu yang dinamakan al-ilmu at-tabii (*ilmu alam*) yang wajib dipelajari secara fardhu kifayah. Makna lain, ilmu perubatan ialah ilmu yang membicarakan mengenai tubuh badan manusia dari sudut penjagaan dan rawatan. Di sinilah, ilmu perubatan lahir dalam satu bentuk ikhtiar yang akan membawa pesakit kepada kesembuhan dan peningkatan iman sejajar dengan hikmah sesuatu penyakit itu diturunkan kecuali sekiranya Allah mentakdirkan kematian untuknya. Selain itu, bidang perubatan termasuk dalam muamalat Islam dan berasal sesuatu perkara dalam muamalat adalah harus. Namun, perkara ini perlu sentiasa disandarkan kepada syariat Islam yang lengkap (*syumul*). Penentuan hukum hukum yang berkaitan dengan bidang perubatan perlu mendapat bantuan dan penjelasan secara terperinci daripada doktor doktor pakar. Hal ini demikian untuk memastikan hukum dan masalah diterima secara adil dan saksama yang merupakan kepakaran mereka.

Oleh itu, antara isu perubatan seperti perubatan orthopedik juga adalah sebahagian perubatan moden yang perlu diteliti secara mendalam. Hal ini demikian kerana pesakit – pesakit orthopedik yang perlu mendapat rawatan sebaik mungkin dan inilah matlamat syariah Islam. Rawatan orthopedik seperti rawatan osteoarthritis (OA) perlu diambil serius oleh segenap masyarakat.

### ***Osteoarthritis (OA)***

Kajian yang telah dijalankan oleh Flanigan DC et. al. (2010) menunjukkan bahawa 15% daripada populasi masyarakat dunia telah mengalami *osteoarthritis* yang merangkumi 39 juta orang di negara-negara eropah dan lebih daripada 20 juta rakyat Amerika. Bilangan pesakit yang terjejas semakin meningkat dan menjelang tahun 2020. Oleh itu, angka ini mungkin akan berlipat kali ganda pada masa akan datang. Justeru, perkara ini amat merunsingkan masyarakat tentang permasalahan ini. Hal ini demikian kerana osteoarthritis lutut (OA) adalah arthritis kronik yang akan menyebabkan kesakitan yang teruk, hilang upaya, kehilangan fungsi dan menjejaskan kualiti kehidupan pesakit. Di Malaysia, 9.3% rakyat Malaysia dewasa mempunyai kesakitan lutut dan lebih separuh daripada mereka mempunyai bukti klinikal OA. Kelaziman ini berkisar antara 1.1% hingga 5.6% dalam masyarakat di Malaysia. Nur (2009) menyatakan bahawa:

*Osteoarthritis ialah suatu penyakit sendi menahun yang ditandai oleh adanya kelainan pada tulang rawan (kartilago) sendi dan tulang di dekatnya. Tulang rawan (kartilage) adalah bahagian dari sendi yang melapisi hujung dari tulang, untuk memudahkan pergerakan dari sendi. Kelainan pada kartilago akan berakibat tulang bergesekan satu sama lain, sehingga timbul gejala kekakuan, nyeri dan pembatasan gerakan pada sendi. Pada umumnya diagnosis osteoarthritis didasarkan pada gabungan gejala klinik dan perubahan radiografi. Gejala klinik perlu diperhatikan, oleh karena tidak semua pesakit dengan perubahan radiografi osteoarthritis mempunyai keluhan pada sendi. Terdapat 4 kelainan radiografi utama pada osteoarthritis, yaitu: penyempitan rongga sendi, pengerasan tulang bawah rawan sendi, pembentukan kista di bawah rawan sendi dan pembentukan osteofit, sendi yang dapat terkena osteoarthritis.*

Manakala Handono Kalim (t.t.) menyebut dengan berkata:

*Osteoarthritis adalah penyakit sendi degeneratif yang ditandai dengan kerusakan rawan sendi dan tulang subkondral dan menyebabkan nyeri pada sendi. Osteoarthritis*

merupakan masalah kesehatan yang sering ditemui dalam praktik sehari-hari. Osteoarthritis diketahui dialami sepertiga populasi di atas usia 65 tahun dan merupakan satu dari lima penyebab disabilitas utama pada populasi usia lanjut di Amerika Serikat. Di Indonesia sendiri kasus osteoarthritis merupakan kasus penyakit reumatik yang paling sering ditemui.

Justeru, boleh kita ketahui bahawa penyakit ini sebenarnya akan mengganggu fungsi badan dan menyebabkan manusia akan terbatas pergerakan mereka. Maka kajian mencari jalan penyelesaian dan rawatan dalam isu ini sangat penting untuk masyarakat. Masalah ini berpunca daripada pelbagai faktor. Antaranya faktor genetik, peningkatan usia, aktif bersukan dan sebagainya. Factor – factor inilah akan menyebabkan klafikasi *osteoarthritis* (OA) berlaku.


### **Klafikasi *Osteoarthritis* (OA)**

Antara klafikasi yang banyak berlaku dalam kalangan manusia ialah:

1. *Osteoarthritis* sendi lutut.
2. *Osteoarthritis* sendi panggul.
3. *Osteoarthritis* sendi-sendi kaki.
4. *Osteoarthritis* sendi bahu
5. *Osteoarthritis* sendi-sendi tangan
6. *Osteoarthritis* tulang belakang



Gambar 1: Bahagian-bahagian yang berisiko mendapat *osteoarthritis*



Gambar Rajah 2: Gambar lutut yang sihat dan lutut yang bermasalah

### **Hyaluronic Acid (HA)**

Australian Rheumatology Association mendefinisikan Hyaluronic Acid (HA) sebagai:

*Hyaluronic acid (brand names Synvisc, Osteoartz) is used to treat osteoarthritis, a condition that affects the joints. It is most commonly used to treat osteoarthritis of the knee. It is not used as a treatment for rheumatoid arthritis. In a normal joint a layer of cartilage or gristle covers the ends of the bones. Cartilage helps the joint move smoothly and cushions the ends of the bones. In osteoarthritis cartilage breaks down and becomes thin. This leaves the ends of the bones unprotected and the joint loses its ability to move smoothly. Hyaluronic acid is found naturally in joints and other parts of the body. In the joint it is found in the cartilage and the synovial fluid that lubricate the joints to keep them working smoothly. In people with osteoarthritis the hyaluronic acid gets thinner and it is no longer able to protect the joint. Injections of artificial hyaluronic acid into affected joints may improve the protection. Hyaluronic acid injections are usually offered to people with osteoarthritis of the knee if other treatments have not worked or are unsuitable.*

Balazs et al. (1986) menyatakan bahawa:

*Hyaluronic acid (HA) is a carbohydrate, more specifically a mucopolysaccharide, occurring naturally in all living organisms. It can be several thousands of sugars (carbohydrates) long. When not bound to mother molecules, it binds to water giving it a stiff viscous quality similar to m“Jello”. The polysaccharide hyaluronan (HA) is a linear polyanion, with a poly repeating disaccharide structure [(1→3)-β-dGlcNAc-(1→4)-β-d-GlcA-]. HA is found primarily in the extracellular matrix and pericellular matrix, but has also been shown to occur intracellularly. The biological functions of HA include maintenance of the elastoviscosity of liquid connective tissues such as joint synovial and eye vitreous fluid, control of tissue hydration and water transport, supramolecular assembly of proteoglycans in the extracellular matrix, and numerous receptor-mediated roles in cell detachment, mitosis, migration, tumor development and metastasis, and inflammation*

J. Necas et. al. (2008) menyebut bahawa:

*Hyaluronic acid (HA) is a high molecular weight biopolysaccharide, discovered in 1934, by Karl Meyer and his assistant, John Palmer in the vitreous of bovine eyes. Hyaluronic acid is a naturally occurring biopolymer, which has important biological functions in bacteria and higher animals including humans. It is found in most connective tissues and is particularly concentrated in synovial fluid, the vitreous fluid of the eye, umbilical cords and chicken combs. It is naturally synthesized by a class of integral membrane proteins called hyaluronan synthases, and degraded by a family of enzymes called hyaluronidases. This review describes metabolisms, different physiological and pathological functions, basic pharmacological properties, and the clinical use of hyaluronic acid.*

Kajian membuktikan bahawa ubatan yang mengandungi HA ini mampu merawat setiap pesakit yang mengalami masalah osteoarthritis.

## Orthovisc

*Orthovisc* adalah campuran steril yang dibuat daripada jambul ayam untuk mendapatkan *hyaluronan* yang sangat bersih. *Hyaluronan* adalah bahan kimia semula jadi yang terdapat di dalam badan setiap manusia. Kadar *hyaluronan* yang tinggi didapati dalam tisu dalam cecair yang mengisi sendi. *Hyaluronan* bertindak sebagai pelincir dan penyerap kejutan di sendi. *Hyaluronan* sangat diperlukan untuk sistem badan berfungsi dengan baik. Apabila seseorang itu mempunyai *osteoarthritis*, kemungkinan besar seseorang itu tidak cukup *hyaluronan* semula jadi dalam sendi, dan kualiti *hyaluronan* itu mungkin lebih buruk daripada biasa. *Orthovisc* diberikan dalam bentuk suntikan terus ke sendi lutut. *Orthovisc* digunakan untuk melegakan kesakitan lutut akibat *osteoarthritis*. Ia digunakan untuk pesakit yang tidak mendapat pelepasan nyeri yang mencukupi daripada penyembuh sakit mudah seperti *acetaminophen* atau dari senaman dan terapi fizikal. Percubaan klinikal yang dijalankan di Amerika Syarikat, telah menunjukkan bahawa *Orthovisc* memberikan kelegaan kesakitan kepada pesakit yang tidak dapat menemui sakit perut dengan ubat atau senaman kesakitan yang sederhana berbanding suntikan *placebo*.



Gambar rajah 3: Contoh jenama orthovisc

## Air Ketuban

Dalam teknologi moden ini, para saintis telah mendapat penemuan baharu apabila mereka melihat peranan air ketuban yang dikeluarkan ketika proses kelahiran bayi. Sisa pengeluaran air ketuban daripada rahim ibu ketika proses kelahiran telah dilihat dari sudut mengambil manfaat untuk bidang perubatan. Di barat, air ketuban ini telah dijadikan produk kesihatan. Produk perubatan yang berasal daripada bahan semulajadi ini dikatakan lebih sesuai dan serasi dengan



tubuh badan manusia. Bahkan produk ini dapat mempercepat proses penyembuhan bagi pesakit Osteoarthritis. Hal ini demikian kerana Hyaluronic Acid (HA) yang terdapat di dalam lebih sesuai dengan tubuh badan manusia.

### **Gel Air Ketuban**

Menurut The American Association of Tissue Banks:

*“Amniotic Fluid is shown to be immune privileged, meaning there is a very low risk that the body will react poorly to it or try to reject the amniotic fluid Amniotic fluid is the liquid surrounding an unborn baby during pregnancy and is a by-product of the birthing process. During a C-section, the fluid is extracted and taken to a processing facility. No harm is done to the baby or mother. This fluid is made up of many different factors including stem cells and growth factors. Stem cells serve as a repair system for the body because they have the potential to develop into many different types of cells in the body such as blood, tissue, bone, and muscle. Growth factors jump start and maintain regeneration of new tissues which contributes to healing. They can be compared to a magnet, attracting specific cells to begin the growth of new tissue and to aid in the remodeling of damaged, old tissue. Amniotic fluid also possesses protease inhibitors and hyaluronic acid. Protease inhibitors aid in halting damage to cartilage in an arthritic joint. Hyaluronic acid acts as viscosupplementation, potentially easing painful symptoms associated with degraded cartilage within a joint.”*

### **Amnio Boost**

*Amnio Boost* adalah suplemen cecair amniotik yang semulajadi, minimum yang diolah untuk rawatan kesakitan sendi yang berkaitan dengan osteoarthritis. *Amnio Boost* mengandungi protein berfaedah, faktor pertumbuhan dan molekul isyarat yang mengembalikan keseimbangan ke lingkungan sinovial, kusyen, dan menyokong persekitaran tisu yang sihat. *Amnio Boost* adalah berbeza daripada terapi OA lain yang menimbulkan kesan sampingan yang berbahaya atau tidak menghasilkan hasil yang boleh dipercayai. Tambahan semula jadi ini tidak memberikan reaksi negatif yang serius dan telah menunjukkan kelegaan yang berkekalan. bekerja lancar.

## Status Kehalalan Gel Air Ketuban

Dalam mendepani isu perubatan semasa ini, maka panduan syarak perlu menjadi asas utama dalam menentukan status hukum sesuatu perkara. Oleh itu, dengan mengambil panduan maqasid as-syariah dan qawaid al-fiqhiyyah perlu dilakukan dalam menentukan sejauh mana kehalalan produk perubatan daripada air ketuban ini.

*Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan; karena sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu. (QS. Al-Baqarah: 168)*

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Apa sahaja yang dihalalkan oleh Allah SWT di dalam kitab-Nya, maka ianya adalah halal dan apa sahaja yang diharamkan-Nya, maka ianya pula adalah haram. Dan apa sahaja yang didiamkan-Nya, maka ianya itu dimaafkan. Dan terimalah kemaafannya itu daripada Allah SWT, kerana sesungguhnya Allah SWT tidak lupa barang sedikitpun. Kemudian Rasulullah SAW membaca daripada firman Allah SWT: Dan tiadalah Tuhanmu itu akan lupa.” (Surah Maryam: 64).*

Pendapat Imam Al-‘Izz ibn ‘Abd Al-Salam dalam Kitab “Qawa’id Al-Ahkam”:

*“Boleh berubat dengan benda-benda najis jika belum menemukan benda suci yang dapat menggantikannya, kerana mashlahah kesihatan dan keselamatan lebih diutamakan daripada mashlahah menjauhi benda najis”*

الأصل في الأشياء الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم

Maksudnya: Asal bagi sesuatu perkara adalah harus sehinggalah datangnya dalil yang menunjukkan kepada keharaman (perkara tersebut)

Berdasarkan kaedah fiqh ini jelaslah bahawa gel air ketuban masih dikira harus disebabkan tiada dalil secara jelas mengharamkannya. Bahkan ulamak berbeza pendapat dalam kenajisan air ketuban itu sendiri. Walaupun majoriti mazhab menyatakan air ketuban najis namu ulamak

kontemporari seperti Syeikh Soleh Uthaimin menyatakan air ketuban bukan najis. Maka isu ini menjadi satu khilaf dalam kalangan ulamak.

## **Kesimpulan**

Bidang perubatan yang sentiasa berkembang mestilah selari dengan tuntutan Islam. Antaranya gel air ketuban yang digunakan dalam industri perubatan orthopedik. Di sinilah, perlunya panduan yang jelas dalam status penggunaannya. Penulis berpandangan melalui penelitian bahawa penggunaan ini adalah lebih baik kerana ia lebih cepat penyembuhannya dari bahan lain. Namun, garis panduan yang jelas perlu diteliti dalam menjaga proses pengambilan air ketuban sehinggalah menjadi gel air ketuban.

## **Rujukan**

Al-Qur'an al-karim

Al-Ghazali, Abu Hamid. (1901). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Egypt: Al-Matba'ah al-Amiriyyah.

Al-Raysuni, Ahmad. (1991). *Nazariyyat al-Maqasid 'ind al Imam al-Shatibi*. Rabat: Dar al-Aman.

Australian Rheumatology Association. (2016). Patient Information On Hyaluronic Acid. Australia.

Handono Kalim (t.t). *Diagnosis dan Penatalaksanaan Osteoarthritis. Perhimpunan Ahli Penyakit Dalam Indonesia*. Indonesia.

Nur, M. (2009). *Pengaruh Peningkatan Kualitas Hidup Penderita Osteoarthritis terhadap Perkembangan Industri Olahraga*. Universitas Jember. Jember.

Saturveithan C et. al. (2016). *Intra-Articular Hyaluronic Acid (HA) And Platelet Rich Plasma (PRP) Injection Versus Hyaluronic Acid (HA) Injection Alone In Patients With Grade III And IV Knee Osteoarthritis (OA): A Retrospective Study On Functional Outcome*. Malaysian Orthopaedic Journal 2016: Malaysia.

Amnioboost. Diakses pada 1 Oktober 2018. <http://www.latticebiologics.com/wp-content/uploads/amnioboost.pdf>

Amnioboost. Diakses pada 1 Oktober 2018. <https://www.leahbrownmd.com/pdfs/amnioboost-pt-handout.pdf>

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. *Bayan Linnas Siri 73; Penamaan Makanan Dan Minuman Status Halal Dan Isunya*. URL diakses pada 10 Oktober 2018. <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/1109-bayan-linnas-siri-ke-73-penamaan-makanan-dan-minuman-status-halal-dan-isunya>

Syeikh Soleh Uthaimin. *Hukum Kenajisan Air Ketuban*. Fatwa Islam Web. Diakses pada 1 Oktober 2018. <http://fatwa.islamweb.net/fatwa/index.php?page=showfatwa&Option=FatwaId&Id=120203>